

NAMA : ..... TINGKATAN: .....

**SULIT**

**GEMPUR KECEMERLANGAN TINGKATAN 5  
SESI AKADEMIK 2025/2026**

**ANJURAN BERSAMA  
MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA  
NEGERI PERLIS  
DAN  
MAJLIS GURU CEMERLANG NEGERI PERLIS**

**PERNIAGAAN  
Kertas 1  
Ogos 2025  
1 jam 15 minit**

**3766/1**

---

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan objektif.*
2. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
3. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*
4. *Penggunaan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan adalah dibenarkan.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah

- 1 Apakah kaedah yang digunakan untuk melaksanakan dasar pemberian subsidi kerajaan?
  - A Secara percuma
  - B Jualan pada harga kos
  - C Jualan pada harga di atas kos
  - D Jualan pada harga di bawah kos
- 2 Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis bentuk pemilikan perniagaan
  - Liabiliti perniagaan terhad
  - Bilangan ahli yang dibenarkan 1 hingga 50 orang
  - Tertakluk kepada Akta Syarikat 2016

Apakah contoh pemilikan perniagaan tersebut?

- A Lean Vin Enterprise
  - B HPA Industries Sdn. Bhd.
  - C Perlis Plantations Berhad
  - D Poliklinik Dr. Azhar dan Rakan-rakan
- 3 Maklumat berikut berkaitan dengan klasifikasi perniagaan.

*Encik Amran merupakan pengusaha belacan di Kuala Perlis, Perlis. Beliau mempunyai pekerja tetap seramai 25 orang dan jumlah jualan tahunan sebanyak RM400 000.*

Apakah saiz dan sektor perniagaan tersebut?

	Saiz	Sektor
A	Kecil	Utama
B	Kecil	Kedua
C	Sederhana	Utama
D	Sederhana	Kedua

- 4 Gambar 1 menunjukkan logo sebuah perniagaan.



*Gambar 1*

Pernyataan manakah yang menerangkan tentang perniagaan di atas?

- I Berskala global
- II Perniagaan bersaiz besar
- III Terlibat dalam sektor kedua
- IV Menyediakan perkhidmatan langsung

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

5 Maklumat berikut menunjukkan keadaan yang berlaku di sebuah restoran.

*Restoran Nasi Kandar Yasmeen telah menggunakan robot sebagai pelayan untuk menghidangkan makanan kepada pelanggan.*

Apakah jenis pengangguran yang mungkin wujud?

- A Pengangguran kitaran
- B Pengangguran struktur
- C Pengangguran teknologi
- D Pengangguran bermusim

6 Apakah faktor dalaman dan faktor luaran yang mempengaruhi persekitaran perniagaan?


	<b>Faktor dalaman</b>	<b>Faktor luaran</b>
A	Ekonomi	Sumber manusia
B	Kewangan	Politik
C	Gaya Pengurusan	Pemasaran
D	Undang-undang	Teknologi maklumat

7 Antara yang berikut, yang manakah merupakan faktor luaran yang boleh memberi ancaman kepada sesebuah perniagaan?

- I Perdana Menteri yang berubah-ubah dalam jangka masa singkat
- II Kemelesetan ekonomi berlaku setelah pelbagai penyakit berjangkit menular
- III Majikan bersikap tidak adil sehingga membentuk persekitaran tidak produktif
- IV Kewangan syarikat yang merosot tidak dapat menampung kos operasi perniagaan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 8 Rajah 1 menunjukkan trend persekitaran pertumbuhan ekonomi.



Rajah 1

Apakah kesan jangka masa panjang keadaan X kepada ekonomi negara?

- A Pengangguran berkurangan  
B Kuasa beli pengguna meningkat  
C Wujud lambakan produk dalam negara  
D Permintaan terhadap barang meningkat
- 9 Maklumat berikut merupakan pemacu dalam pencapaian sesebuah organisasi perniagaan.

X ialah

- Ketetapan perancangan dan fokus jangka masa panjang.
- Panduan untuk membuat keputusan untuk mencapai hala tuju.

Apakah X?

- A Visi  
B Misi  
C Strategi  
D Objektif
- 10 Antara yang berikut, ciri yang manakah perlu diambil kira dalam penetapan objektif sesebuah perniagaan ?
- I Dinyatakan secara khusus  
II Mengambil kira persekitaran perniagaan  
III Penjelasan kemudahan perkhidmatan yang disediakan  
IV Mampu dicapai dengan keupayaan yang ada
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV

- 11 Maklumat berikut berkaitan dengan visi sebuah organisasi perniagaan.

*Pemimpin yang mempunyai wawasan mampu menyampaikan visi organisasi perniagaan supaya dapat dihayati oleh semua golongan pekerja.*

Mengapakah pekerja perlu menghayati visi organisasi perniagaan?

- A Membentuk kerjasama mencapai hala tuju
- B Mewujudkan satu pasukan yang mantap
- C Menjalani tugas dengan lebih tepat
- D Mengelakkan sebarang pembaziran

- 12 Antara yang berikut, yang manakah merupakan tujuan penetapan misi ?

- I Menilai keperluan bagi setiap unit
  - II Mencapai matlamat jangka masa panjang
  - III Menggambarkan sasaran yang ingin dicapai
  - IV Mengagihkan sumber perniagaan secara optimum
- 
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

- 13 Apakah maksud bahagian fungsian?

- A Bahagian yang mempunyai fungsi umum untuk seluruh organisasi
- B Bahagian yang mempunyai fungsi umum untuk bahagian tersebut
- C Sebahagian dalam organisasi perniagaan yang mempunyai tanggungjawab khusus
- D Sebahagian unit yang mempunyai tanggungjawab khusus untuk seluruh organisasi

- 14 Maklumat berikut berkaitan dengan peranan satu bahagian fungsian.

Bahagian fungsian	Peranan
Y	Memastikan barang kepada pengguna memenuhi keperluan dan kehendak mereka.

Apakah Y?

- A Bahagian fungsian khidmat pelanggan
- B Bahagian fungsian pengeluaran
- C Bahagian fungsian pentadbiran
- D Bahagian fungsian pemasaran

- 15 Antara yang berikut, yang manakah berkaitan dengan pembangunan produk baharu?
- I Mengeluarkan produk baharu
  - II Mengubah suai produk sedia ada
  - III Meningkatkan produktiviti produk
  - IV Mempercepat proses pengeluaran produk
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV
- 16 Pernyataan yang manakah **benar** tentang interaksi antara perniagaan kecil dengan perniagaan besar dalam bahagian fungsian kewangan?
- A Perniagaan besar menyediakan kemudahan kredit kepada perniagaan kecil
  - B Perniagaan besar memastikan setiap bayaran dibuat oleh perniagaan kecil mengikut perjanjian
  - C Perniagaan kecil menyediakan sumber kewangan yang mencukupi untuk menjelaskan hutang kepada perniagaan besar
  - D Perniagaan kecil menjelaskan hutang kepada perniagaan besar mengikut tempoh masa yang ditetapkan
- 17 Pernyataan manakah yang menerangkan maksud pengurusan sumber manusia?
- A Usaha membina imej baik organisasi
  - B Usaha untuk membangunkan tenaga kerja dalam organisasi
  - C Usaha untuk mengurangkan risiko kerugian akibat kemerosotan
  - D Usaha untuk meningkatkan kecekapan sistem pentadbiran dalam organisasi.
- 18 Maklumat di bawah berkaitan dengan Syarikat Bintang Bersatu.

Syarikat Bintang Bersatu akan memberi pakej percutian kepada pekerja yang mencapai sasaran jualan pada bulan Januari 2025.

Apakah peranan pengurusan sumber manusia tersebut?

- A Prestasi pasukan
- B Latihan peningkatan kemahiran
- C Pemantapan budaya profesional
- D Pemberian insentif yang munasabah

- 19 Gambar 2 menunjukkan Encik Ariff yang bekerja sebagai seorang juruteknik elektrik.



Gambar 2

Apakah kategori kemahiran kebolehkerjaan yang dimiliki oleh Encik Ariff?

- I Kelayakan dalam bidang perniagaan
  - II Pengalaman dalam industri pembuatan
  - III Pengalaman terdahulu sebagai juruteknik elektrik
  - IV Berpengetahuan tentang sistem pendawaian elektrik
- 
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

- 20 Maklumat berikut menunjukkan faktor penentu sistem penggajian yang diamalkan oleh sebuah organisasi.

Encik Amir telah bertugas sebagai pengurus pemasaran selama 5 tahun di Syarikat AME. Beliau telah dinaikkan pangkat menjadi pengurus cawangan di Kangar, Perlis dengan kenaikan gaji sebanyak 30%.

Apakah faktor penentu sistem penggajian yang diterima oleh Encik Amir?

- A Bentuk dan jenis tugas
- B Kemampuan organisasi
- C Ganjaran yang dibayar pesaing
- D Permintaan dan penawaran buruh

- 21 Bagaimanakah sesebuah perniagaan menguruskan sumber teknologi?

- A Pengurusan hak cipta terpelihara
- B Pendaftaran logo dan nama syarikat
- C Perlindungan insurans dan keselamatan
- D Penyelenggaraan teknologi secara terancang

22 Sumber pembiayaan manakah yang sesuai untuk perniagaan bersaiz kecil?

- I Pinjaman bank
  - II Terbitan saham
  - III Simpanan sendiri
  - IV Pinjaman daripada keluarga
- 
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

23 Maklumat di bawah ini berkaitan dengan Mira dan Sheila.

Perniagaan perkongsian cenderahati antara Mira dan Sheila hendak diperbesarkan lagi. Mereka telah sebulat suara bersetuju untuk menggunakan sumber luaran untuk tujuan tersebut dengan kadar segera. Anggaran modal yang diperlukan untuk membeli bahan mentah dan peralatan ialah RM 15,000.00

Antara berikut, yang manakah jenis sumber pembiayaan yang sesuai?

- I Sewa beli
  - II Overdraft bank
  - III Bantuan modal
  - IV Jaminan kredit
- 
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 24 Syarikat Maju Jaya Sdn Bhd ingin memperluaskan operasi ke pasaran luar negara. Oleh itu, mereka memerlukan tambahan modal bagi tujuan tersebut. Apakah jenis keperluan pembiayaan yang paling sesuai?
- A Syer
  - B Pajakan
  - C Sewa beli
  - D Pemfaktoran

- 25 Antara yang berikut, yang manakah merupakan kekuatan sumber pembiayaan dalaman?
- I Tiada faedah
  - II Cepat dan ringkas
  - III Sukar menambah modal
  - IV Tidak melibatkan kos tambahan
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 26 Siapakah yang menggunakan maklumat dalam penyata kewangan sebagai rujukan semasa mengawal dan merancang aktiviti perniagaan?
- A Pelabur
  - B Pembiaya
  - C Pembekal
  - D Pihak pengurusan
- 27 Apakah kepentingan penyata kewangan terhadap operasi sesebuah perniagaan?
- A Menyediakan latihan induksi kepada pekerja baharu
  - B Mengurus aduan pelanggan secara berkala dan berkesan
  - C Menilai prestasi kewangan dan membuat keputusan perniagaan
  - D Menentukan kadar cukai jualan yang dikenakan kepada pelanggan
- 28 Maklumat berikut diperoleh daripada KRM Enterprise pada 31 Disember 2022.

	<b>RM</b>
Stok	5 000
Kenderaan	35 000
Kelengkapan	10 000
Akaun belum bayar	8 000
Akaun belum terima	12 000
Tunai di bank	20 000
Overdraf bank	9 000
Pinjaman	15 000

Berapakah nisbah semasa bagi firma tersebut?Mentafsir penyata kewangan

- A 1.16 : 1
- B 1.94 : 1
- C 2.18 : 1
- D 4.63 : 1

- 29 Siapakah yang memiliki ciri keperibadian seorang usahawan?
- A Encik Bala berpuas hati dengan perniagaan kedai runcit
  - B Puan Zuraina hanya menjalankan aktiviti jual beli perniagaan
  - C Encik Ahmad suka menjalankan perniagaan tanpa risiko kegagalan
  - D Puan Maria membuka pusat asuhan kanak-kanak di kawasan perumahan baharu
- 30 Apakah faktor yang mempengaruhi pemilihan lokasi perniagaan yang sesuai
- A Persaingan
  - B Produk baharu
  - C Pekerja setempat
  - D Mudah dikunjungi
- 31 Antara berikut, yang manakah **bukan** merupakan kelebihan menceburい bidang perniagaan sebagai satu peluang kerjaya?
- A Jaminan pencen
  - B Matlamat peribadi
  - C Objektif perniagaan
  - D Keberuntungan perniagaan
- 32 Berikut ialah dialog antara Encik Jojo dengan Encik Jijo.

<i>Jojo</i>	: <i>Saya bercadang hendak membuka sebuah kedai menjual telefon pintar, tapi saya kekurangan modal.</i>
<i>Jijo</i>	: <i>Itu bukan masalah. Saya boleh berkongsi modal dengan awak.</i>
<i>Jojo</i>	: <i>Elok juga tu, terima kasih.</i>

Berdasarkan perbualan di atas, manakah akta yang perlu dipatuhi oleh Encik Jojo jika mereka ingin membuka kedai tersebut?

- A Akta Syarikat 2016
  - B Akta Jualan Barang 1957
  - C Akta Perdaftaran Perniagaan 1956
  - D Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012
- 33 Berapakah cadangan nama yang perlu diisi oleh pemohon dalam Borang Kelulusan Nama Perniagaan jika beliau ingin mendaftar sebuah milikan tunggal?
- A Satu
  - B Dua
  - C Tiga
  - D Empat

- 34 Apakah langkah pertama yang mesti diambil oleh seorang peniaga apabila pendaftarannya sudah diluluskan?
- A Menyediakan dokumen perniagaan
  - B Mempamerkan papan tanda perniagaan
  - C Mempamerkan sijil pendaftaran dan lesen
  - D Mendaftarkan maklumat perubahan dalam perniagaan
- 35 Gambar 3 menunjukkan sejenis dokumen perniagaan.



Gambar 3

Di manakah dokumen di atas perlu disimpan dan direkodkan ?

- A Rekod jualan
- B Rekod kos operasi
- C Rekod transaksi bank
- D Rekod belian

- 36 Maklumat di bawah berkaitan dengan Cik Pah Bedah.

Cik Pah Bedah telah mengeluarkan wang tunai sebanyak RM800 untuk kegunaan sendiri.

Apakah dokumen yang diwujudkan untuk urusniaga di atas?

- A Resit
- B Memo
- C Invois
- D Bil tunai

37 Manakah maklumat di bawah yang ada dalam sebuah pernyata aliran tunai?

- I Aset semasa
- II Liabiliti semasa
- III Komisen diterima
- IV Pembelian aset

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

38 Gambar 4 menunjukkan promosi yang dijalankan oleh sebuah perniagaan.



Gambar 4

Apakah jenis promosi yang berkait dengan maklumat di atas?

- I Publisiti
- II Pengiklanan
- III Promosi jualan
- IV Jualan langsung

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

39 Apakah definisi rancangan perniagaan?

- A Dokumen yang menentukan risiko dan peluang perniagaan
- B Dokumen yang menerangkan tentang promosi sesebuah perniagaan
- C Dokumen yang menerangkan langkah-langkah untuk memajukan perniagaan
- D Dokumen bertulis yang menerangkan maklumat perniagaan atau projek yang hendak dijalankan secara menyeluruh dan terperinci.

40 Maklumat berikut berkaitan dengan trend persekitaran perniagaan.

- Kemunculan pesaing baharu
- Perubahan dalam undang-undang
- Trend terkini dalam citarasa pengguna

Apakah kepentingan sebuah rancangan perniagaan dengan maklumat di atas?

- A Meyakinkan pihak pelabur atau bank
- B Merancang keperluan sumber peniagaan
- C Memberi peluang kepada usahawan menilai projek yang dirancang dengan teliti
- D Menjangka risiko dan masalah yang timbul semasa melaksanakan projek perniagaan

**KERTAS SOALAN TAMAT.**